

# Atasi kesesakan di Johor Bahru

# Tambak kedua perlu dibina

IN SAMPUD  
Oleh **JOHARI MOHD**

**MUAR, Jumaat** — Jalan penghubung kedua di antara Johor dan **Singapura amat** diperlukan untuk mengatasi masalah kesesakan di Tambak Johor, kata **Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**.

“Projek berkenaan mesti dilaksanakan supaya tumpuan tidak hanya kepada Tambak Johor,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Pagoh di sini, hari ini.

Menurutnya, pembesaran tambak Johor tidak mungkin dapat menyelesaikan masalah kesesakan. Oleh itu, satu lagi projek di luar bandar Johor Bahru perlu dilaksanakan.

“Ini yang sedang diusahakan oleh kerajaan sekarang dan kajian mengenainya masih dijalankan,” katanya.

Timbalan Menteri Kerjaraya, Datuk Alex Lee, bulan lalu, mengumumkan projek jalan penghubung kedua berkenaan membabitkan kos \$1,500 juta.

Jalan itu yang dikatakan menyamai ukuran jambatan Pulau Pinang, akan dibiayai oleh kerajaan Johor, sektor swasta dan kerajaan Singapura manakala Kerajaan Pusat akan menyeliannya.

Sebelum ini, Kerajaan Pusat memutuskan mengetepikan projek itu kerana berpendapat pembesaran Tambak Johor kepada enam lorong mampu menampung kira-kira 6,000 pengaliran kenderaan sehari bagi tempoh 20 tahun lagi.

Bagaimanapun, Menteri Besar, Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin menekankan pentingnya pembinaan jalan penghubung kedua itu berdasarkan faktor ekonomi khususnya di Johor.

Beliau sendiri dikatakan mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri bulan lalu mengenainya dan mengemukakan cadangan bagaimana projek itu akan dilaksanakan.

Projek itu akan menghubungkan terus Lebuhraya Utara-Selatan dan penggunaanya tidak perlu masuk ke bandar Johor Bahru.

Projek itu dijangka dibina di Gelang Patah menghubungkan Tuas iaitu kawasan tanah yang ditambak di barat daya Singapura.